

Kata Nama

Kata nama dibahagi kepada dua jenis iaitu Nama Am dan Nama Khas.

Kata Nama Am

Kata yang digunakan untuk menjelas nama sesuatu yang bernyawa seperti orang, haiwan, dan sesuatu yang tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan, tempat, benda, dan sebagainya.

Contoh:

Orang	kerani, doktor, ayah dan lain-lain
Binatang	ikan, harimau, burung dan lain-lain
Tumbuh-tumbuhan	rambutan, rumput, lalang dan lain-lain
Benda	buku, pembaris, rumah dan lain-lain
Tempat	kampung, sekolah, negeri dan lain-lain

Kata Nama Khas

Kata nama khas ialah nama yang secara khususnya digunakan untuk menyebut nama sesuatu benda, sama ada benda yang bernyawa (manusia, binatang) dan yang tidak bernyawa (tempat, judul buku, dan sebagainya).

Contoh:

Manusia	Poh Sing, Ahmad, Davi
Binatang	Si Tompok (anjing), Jalak (ayam)
Tempat	Alor Gajah (daerah), Melaka (bandar), Australia (negara)
Bangunan	Pudu Raya (perhentian bas), Menara Tun Razak (pejabat)
Judul Buku	Kamus Dewan (buku), Rentong (novel)
Benda	Proton Saga (kereta), Seiko (jam)